

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, May 28, 2018 3:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Buat Apa Yang Allah Suka, Nafsu Tak Suka – Ustaz Husam



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2018 / 12 RAMADAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

BUAT APA YANG ALLAH SUKA, NAFSU TAK SUKA – USTAZ HUSAM



UUM ONLINE: “Ramai yang berpuasa sekadar mendapat lapar dan dahaga kerana masih melakukan perkara yang dibenci Allah seperti mengumpat dan melihat maksiat.

“Lebih malang bagi yang berpuasa tetapi tidak sembahyang, Allah tidak terima puasa kamu walaupun kering bibir, tekan nafsu sehingga tidak makan dan tidak minum jadi masuk sahaja Ramadan, bukan lagi dengan semangat tetapi dengan ilmu.”

Ucap Ustaz Ahmad Husam Dato' Sheikh Baderuddin dalam Ceramah Bulan Puasa ke kita Puasa? anjuran Unit Latihan, Jabatan Pendaftar, di Dewan Seminar A, Pusat Konvesnyen, baru-baru ini.

Jelasnya, bulan Ramadan terbahagi kepada 3 fasa awalnya rahmat, pertengahannya keampunan dan pengakhirannya ialah pembebasan api neraka.

“Rahmat bermaksud kasih sayang Allah, kita masuk syurga bukan kerana amalan tetapi kerana rahmat Allah dan untuk mendapatkan kasih sayang Allah kita kena buat perkara yang Allah suka.

“Rahmat Allah mencurah-curah pada 10 Ramadan pertama jadi siapkan bekas untuk mengisi Ramadan, datang pula 10 yang kedua fasa pengampunan dan bila dapat keampunan Allah baru lulus fasa ini.

“Dosa, orang tidak nampak sebab tu kita suka buat, kita puasa tetapi mulut mengata orang, paling besar fitnah dajjal akhir zaman iaitu telefon yang hanya menggunakan jari boleh menyebar pelbagai keburukan.

“Kita.. dosa dengan Allah berlambak inilah masanya kita menggunakan peluang yang Allah tawarkan untuk memohon keampunan,” luahnya.

Menurutnya, Allah beri pengampunan dosa kepada mereka yang berpuasa dengan ikhlas dan penuh keimanan, mendirikan sembahyang solat sunat tarawih, menghidupkan malam dengan ibadah.

“Kalau umat aku tahu apa yang Allah sediakan pada bulan Ramadan nescaya mereka akan minta pada Allah Ramadan, Ramadan, Ramadan, biar sepanjang tahun Ramadan.

“Imam Abu Laits berpesan, 3 perkara yang kita kena fikir, *dosa kita Allah ampun ke tidak, ibadah yang kita buat Allah terima atau tidak dan bagaimana kesudahan hidup kita adakah husnul qatimah (baik) atau suul qatimah (buruk)?*

“Jibril pesan pada nabi, kamu buatlah apa yang kamu nak ketika hidup di dunia tetapi ingat kesudahan daripada kehidupan, kamu pasti akan mati.

“Bulan ramadan buat apa yang nafsu tidak suka, nafsu tidak suka baca quran jadi kita baca quran, terawih 8 dan 20 rakaat nafsu tidak suka 20 jadi kita buat 20 rakaat,” ujarnya.

Beliau turut berkongsi tiga amalan untuk mendapat husnul qatimah, dengan banyakkkan istighfar, rajin berpuasa (sekurang-kurangnya 2 hari sebulan) dan sedekah.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.